



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI  
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGUKURAN DAN PENILAIAN  
PENDIDIKAN

KOD MATA PELAJARAN : BBE 2062

KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
TEKNIKAL

TARIKH PEPERIKSAAN : OKTOBER 2006

JANGKA MASA : 1 JAM 45 MINIT

**ARAHAN**

1. JAWAB SEMUA SOALAN BAHAGIAN A DAN SATU SAHAJA SOALAN BAHAGIAN B.
2. JAWAB SOALAN BAHAGIAN A PADA BORANG OMR DAN BAHAGIAN B PADA KERTAS YANG DISEDIAKAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 MUKA SURAT

**BAHAGIAN A**

- S1 Pilih jenis penilaian yang boleh pensyarah gunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan membuat perkembangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- A Sumatif.
  - B Formatif.
  - C Diagnostik.
  - D Penempatan.
- S2 Apakah kegunaan Jadual Penentu Ujian (JPU)?
- A Meningkatkan lagi kesahan.
  - B Menerangkan sebaran jenis butiran.
  - C Menerangkan objektif setiap soalan.
  - D Meningkatkan lagi kebolehpercayaan.
- S3 Pensyarah KUiTTHO ingin menilai minat dan sikap pelajar di kelasnya. Nyatakan pengelasan ujian yang boleh digunakan oleh beliau.
- A Ujian perilaku.
  - B Ujian psikologi.
  - C Ujian pemerhatian.
  - D Ujian inventori diri.
- S4 Seorang pensyarah yang hendak melihat perbezaan kebolehan antara pelajarnya boleh menggunakan ujian
- A sumatif.
  - B diagnostik.
  - C rujukan norma.
  - D rujukan kriteria.
- S5 Apakah ciri ujian yang menekankan kepada konsistensi keputusan sesuatu ujian?
- A Kebolehpercayaan.
  - B Kepenggunaan.
  - C Keobjektifan.
  - D Kesahan.

- S6 Soalan jenis subjektif
- A adalah soalan esei.
  - B markah calon berbeza mengikut pemeriksa.
  - C memerlukan pelajar menulis dan menyumbangkan jawapan.
  - D memerlukan pelajar menjawab lebih daripada satu perenggan jawapan.
- S7 Berikut adalah tujuan utama objektif pengajaran kepada guru kecuali
- A memudahkan pengajaran guru.
  - B memberi panduan cara menilai pembelajaran.
  - C memberi arah memilih kaedah pengajaran yang sesuai.
  - D memperbaiki dan merancang proses pengajaran dan pembelajaran.
- S8 Pernyataan manakah merujuk kepada meningkatkan mutu ujian?
- A Soalan terlalu sukar sehingga pelajar terpaksa meneka.
  - B Kertas soalan esei diperiksa lebih daripada seorang pemeriksa.
  - C Pensyarah membuat pembetulan item semasa peperiksaan sedang berjalan.
  - D Pensyarah menyediakan item dari buku Panduan Peperiksaan yang dijual di kedai.
- S9 Berdasarkan Taksonomi Kognitif Bloom, objektif pengajaran yang meminta pelajar mencantumkan beberapa maklumat atau idea, membuat ramalan, menyelesaikan masalah dan membina sesuatu yang baru adalah merujuk kepada tahap
- A analisis.
  - B aplikasi.
  - C penilaian.
  - D sintesis.
- S10 Manakah pernyataan berikut tidak mempengaruhi pemarkahan penanda kertas jawapan?
- A Kesan halo.
  - B Gaya penulisan pelajar.
  - C Jawapan benar yang tidak disangka.
  - D Kegagalan menguji objektif yang sesuai.

- S11 Berikut adalah faktor yang dapat mempengaruhi kesahan kecuali
- A susun soalan yang tidak betul.
  - B arahan yang diberikan tidak jelas.
  - C masa yang diberikan adalah panjang.
  - D tahap kesukaran soalan yang tidak sesuai.
- S12 Susun tahap Taksonomi Kognitif Bloom berikut merupakan turutan yang benar.
- A Pengetahuan, pemahaman, penggunaan, analisis, sintesis, penilaian.
  - B Pemahaman, pengetahuan, analisis, sintesis, penggunaan, penilaian.
  - C Analisis, sintesis, pengetahuan, pemahaman, penilaian, penggunaan.
  - D Pengetahuan, pemahaman, penilaian, analisis, sintesis, penggunaan.
- S13 Apabila pensyarah mengadakan ujian untuk mengukur kebolehan pelajar menjawab soalan sebanyak mungkin dalam sesuatu masa yang diberikan, ujian ini dipanggil
- A ujian cerapan.
  - B ujian sumbangan.
  - C ujian kepantasan.
  - D ujian penguasaan.
- S14 Anda ingin mengukur pendapat seseorang yang melibatkan jumlah responden seramai 3000 orang, kaedah yang sesuai digunakan ialah
- A temubual.
  - B soal selidik.
  - C pemerhatian.
  - D analisis dokumen.
- S15 Kelebihan item objektif berbanding item subjektif ialah
- A boleh diperbaiki dan digunakan semula.
  - B lebih mudah dan lebih objektif untuk diperiksa.
  - C mempunyai darjah kebolehppercayaan yang lebih rendah.
  - D memerlukan kemahiran dan imaginasi dalam pembinaannya.

- S16 Tulisan calon cantik dan boleh diberi markah tinggi merujuk kepada pernyataan
- A. kesan halo.
  - B. ralat logik.
  - C. bias sendiri.
  - D. uji ulang-uji.
- S17 Pilih pernyataan yang menyebabkan pelajar boleh meniru atau menipu dalam peperiksaan
- A meja pelajar dipastikan kosong semasa ujian.
  - B susunan tempat duduk pelajar sesuai dan mengikut peraturan.
  - C pensyarah hanya duduk di sudut kelas tanpa berjalan di sekeliling mengawasi peperiksaan.
  - D butiran ujian dijaga dengan baik semasa proses membina, mencetak, menyimpan dan mentadbir ujian.
- S18 Yang mana antara berikut paling baik menerangkan peranan relatif ujian objektif dan subjektif?
- A Kedua-dua jenis ujian harus digunakan dalam setiap ujian.
  - B Ujian subjektif meningkatkan kemahiran kritikal dan harus ditadbirkan selalu.
  - C Penggunaan salah satu atau kedua-duanya harus diputuskan berdasarkan situasi tertentu.
  - D Ujian objektif dapat mengukur dengan tepat dan lebih tinggi kesahannya, maka ia harus digunakan pada setiap masa.
- S19 Selepas ujian Pedagogi, pelajar tahun 3 mengadu soalan yang diberikan terlalu banyak untuk dijawab dalam masa satu jam dan suasana ujian tidak menyenangkan. Ujian di atas boleh diperbaiki dari aspek
- A kesahan isi.
  - B kebolehtadbiran.
  - C kesahan ramalan.
  - D kebolehpercayaan.
- S20 Manakah antara berikut bukan merupakan arahan yang perlu diberikan sebelum sesuatu ujian itu bermula?
- A tujuan ujian.
  - B kaedah memberi jawapan.
  - C tindakan sekiranya meneka.
  - D calon yang gagal dalam ujian tersebut akan didenda.

- S21 Kertas soalan esei diperiksa lebih dari seorang pemeriksa merujuk kepada
- A. aktiviti merujuk kepada pemeriksaan holistik.
  - B. aktiviti merujuk kepada pemeriksaan analitik.
  - C. aktiviti merujuk kepada meningkatkan mutu ujian.
  - D. aktiviti merujuk kepada merendahkan mutu ujian.
- S22 Analisis item dilakukan berdasarkan respon pelajar dengan tujuan berikut kecuali
- A menentukan pencapaian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran.
  - B mengkaji ciri item sama ada sesuai atau tidak untuk dijadikan alat mengukur penguasaan pelajar.
  - C menambahkan koleksi item yang baik untuk disimpan dalam bank item bagi tujuan digunakan semula.
  - D mengenalpasti item yang sukar atau senang dan item yang boleh membezakan antara pelajar yang berprestasi tinggi dan rendah.
- S23 Pemarkahan secara analitik digunakan kerana
- A lebih mudah diperiksa.
  - B boleh diperiksa oleh guru lain.
  - C sesuai digunakan untuk ujian esei.
  - D mudah menyediakan skema pemarkahan.
- S24 Soalan yang baik adalah
- A mencabar minda semua pelajar.
  - B penggunaan bahasa yang sukar difahami.
  - C tidak mencampurkan hal-hal politik negara.
  - D menepati aras kesukaran dan kesesuaian untuk semua pelajar.
- S25 Semasa mentadbir ujian di dalam dewan peperiksaan perkara yang berikut boleh dijalankan kecuali
- A mengawasi pelajar dengan berjalan sekeliling.
  - B memastikan faktor persekitaran yang kondusif.
  - C memastikan di atas meja pelajar kosong semasa ujian.
  - D memberi arahan lisan setiap lima minit untuk memperingatkan pelajar.

- S26 Pilih jawapan yang salah mengenai kenyataan berikut
- A soalan objektif lebih sukar untuk diperiksa.
  - B soalan objektif lebih sukar dibina daripada soalan subjektif.
  - C skema jawapan soalan esei hendaklah disediakan setelah membina soalan.
  - D soalan esei mempunyai darjah kebolehpercayaan yang kurang jika dibandingkan dengan soalan-soalan objektif.
- S27 Cara yang sesuai untuk mempertingkatkan ciri kebolehpercayaan dalam sesuatu ujian adalah
- A menyediakan ujian yang mempunyai ciri kesahan ramalan.
  - B menyediakan ujian yang mempunyai ciri kesahan serentak.
  - C menyediakan bilangan soalan yang berpatutan.
  - D menolak markah calon yang meniru.
- S28 Fungsi paling penting indeks diskriminasi sesuatu item adalah untuk
- A menentukan kesahan ujian.
  - B menentukan kebolehpercayaan ujian.
  - C menentukan sama ada item itu baik atau sebaliknya.
  - D mengira skor ujian untuk meramalkan keputusan pelajar.
- S29 Yang mana antara keadaan berikut menunjukkan penggunaan ujian esei tidak wajar dijalankan?
- A Untuk menggunakan prinsip sesuatu teori.
  - B Untuk menilai sesuatu hipotesis dan implikasinya.
  - C Untuk mengingat nama, peristiwa, istilah atau fakta.
  - D Untuk menyusun dan mensintesis bahan pembelajaran.
- S30 Dalam pembelajaran bilik darjah, penilaian dapat dianggap sebagai satu proses yang sistematik untuk
- A menentu sejauh mana objektif pengajaran dapat dicapai oleh pelajar.
  - B membanding kecerdasan antara pelajar berdasarkan keputusan peperiksaan.
  - C merancang program pemulihan dan pengayaan mengikut keperluan pelajar.
  - D mengenalpasti semua kelemahan pembelajaran pelajar dan kesilapan pengajaran guru.

- S31 Berikut adalah persamaan antara rujukan norma dan rujukan kriteria kecuali
- A menggunakan jenis soalan yang sejenis.
  - B memerlukan soalan yang mewakili dan sesuai.
  - C menekankan perbezaan antara individu di dalam kelas.
  - D menggunakan kaedah yang sama dan berguna untuk pengukuran pendidikan.
- S32 Sesuatu ujian itu boleh dianggap mempunyai sifat kesahan dari segi kandungan sekiranya soalan-soalan yang dikemukakan
- A terdiri daripada pelbagai tajuk dan berbagai aras soalan.
  - B disediakan oleh pakar-pakar mata pelajaran yang tertentu.
  - C menyentuh aspek-aspek penting isi pelajaran yang diajar.
  - D dapat dijawab oleh kebanyakan calon dengan betul.
- S33 Fungsi analisis item membolehkan guru menganalisis dan melihat perkara-perkara berikut kecuali
- A item yang kurang jelas maksudnya.
  - B item yang terlalu senang atau susah.
  - C memperbaiki semula item-item yang didapati tidak baik.
  - D mengubah semula markah pelajar kerana didapati ada item yang tidak baik.
- S34 Manakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh seseorang pensyarah dalam mentadbir sesuatu ujian?
- A Tentukan tujuan, bina *blue print*, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
  - B Tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, bina *blue print*, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
  - C Tentukan tujuan, bina *blue print*, pilih jenis soalan, sedia soalan, kumpul soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
  - D Bina *blue print*, tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- S35 Item A yang direspon betul oleh 80 daripada 100 pelajar, indeks kesukarannya ialah 0.8. Item B yang direspon betul oleh 30 daripada 100 pelajar, indeks kesukarannya ialah 0.3. Pengiraan ini menunjukkan
- A aras kesukaran item B lebih tinggi daripada item A.
  - B aras kesukaran item A lebih tinggi daripada item B.
  - C aras diskriminasi item B lebih tinggi daripada item A.
  - D aras diskriminasi item A lebih tinggi daripada item B.



- S36 Pilih pernyataan yang merujuk kepada merendahkan mutu ujian?
- A Menyuruh rakan menyiapkan esei bagi pihak dirinya.
  - B Terdapat nama pelajar dalam kertas jawapan esei.
  - C Guru mengadakan ujian semasa ramai pelajar demam.
  - D Guru menyediakan item daripada buku Panduan Peperiksaan yang dijual di kedai.
- S37 Antara pernyataan berikut, manakah pernyataan yang benar tentang fungsi gred?
- I Memberitahu keberkesanan pengajaran guru.
  - II Memberitahu ibubapa tentang prestasi anak mereka.
  - III Memilih pelajar untuk melanjutkan pelajaran.
  - IV Menerangkan kekuatan dan kelemahan pelajar.
- A I, II dan III sahaja.
  - B II, III dan IV sahaja.
  - C I, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.
- S38 Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kesahan dan kebolehpercayaan ujian adalah seperti berikut
- I arahan tidak jelas.
  - II struktur ayat salah.
  - III pelajar tidak bersedia.
  - IV pola jawapan tidak dikenalpasti pelajar.
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C II, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.
- S39 Langkah-langkah menyediakan item ujian yang bermutu tinggi adalah
- I menggunakan Jadual Penentu Ujian.
  - II memeriksa kertas jawapan mengikut skema pemarkahan.
  - III membina item berdasarkan objektif pengajaran.
- A I dan II sahaja.
  - B I dan III sahaja.
  - C II dan III sahaja.
  - D I, II dan III.

S40 Semua pernyataan tentang kesahan berikut adalah benar kecuali

- I kesahan serentak – merujuk kepada ramalan prestasi masa yang sama.
  - II kesahan telahan – merujuk kepada prestasi yang berkait dengan sesuatu ciri.
  - III kesahan gagasan – merujuk kepada kesahan jangka panjang.
  - IV kesahan isi – merujuk kepada ketepatan isi ujian.
- 
- A I sahaja.
  - B II dan III sahaja.
  - C I, III dan IV sahaja.
  - D I, II dan IV sahaja.

**BAHAGIAN B**

- S1 a) Berdasarkan satu mata pelajaran pilihan anda, bina Jadual Penentu Ujian (JPU) yang lengkap. (15 markah)
- b) Huraikan kepentingan Jadual Penentu Ujian (JPU) dalam proses pembinaan item. (10 markah)
- S2 Dengan merujuk contoh-contoh yang sesuai, jelaskan lima ciri ujian yang bermutu tinggi dan huraikan secara terperinci. (25 markah)
- S3 Senaraikan dan bincangkan lima faktor yang menghalang pelajar-pelajar menjawab soalan dengan tepat walaupun mereka mempunyai pengetahuan aspek yang diuji. (25 markah)